

Headline	Tamak punca harumanis tak laku		
MediaTitle	Kosmo		
Date	14 Jun 2017	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	197,202
Page No	2	Readership	875,000
Language	Malay	ArticleSize	490 cm <sup>2</sup>
Journalist	Oleh MUSTAPA LAKAWA dan NADZARUL	AdValue	RM 12,716
Frequency	Daily	PR Value	RM 38,148



## Ada pihak tertentu didakwa letak harga mahal sehingga sukar dipasarkan di luar Perlis

# Tamak punca harumanis tak laku

Oleh MUSTAPA LAKAWA dan NADZARUL AMIR ZAINAL AZAM

**KUALA LUMPUR** – Perbuatan sesetengah pihak di Perlis yang cuba mengawal bisnes buah harumanis dengan menetapkan harga terlalu mahal menjadi punca utama buah tersebut gagal dipasarkan secara meluas di Kuala Lumpur dan bandar-bandar utama lain di negara ini.



AHMAD

Lebih memburukkan, tindakan pihak-pihak tersebut telah menyebabkan berlakunya lambakan harumanis di Perlis sehingga ada buah yang menjadi busuk di pokok dan terpaksa dibakar.

Difahamkan, harga semasa yang ditetapkan pengusaha harumanis sekitar RM15 hingga RM30 sekilogram dan jika buah itu dibawa dan dijual di ibu kota sudah tentu ia terpaksa dijual lebih mahal sekali ganda.

Ketua Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Datuk Ahmad Ishak berkata, dengan harga yang mahal diperolehi daripada pengusaha harumanis di Perlis, adalah sukar untuk buah tersebut dijual secara meluas di Kuala Lumpur.

Katanya, jika dijual di pasaran Kuala Lumpur, buah harumanis perlu bersaing dengan buah mangga import lain yang jauh lebih murah berbanding buah ikon negeri utara itu.

“Sepatutnya harumanis boleh dibeli pada harga lebih murah jika dibeli dalam kuantiti yang banyak, malangnya perkara itu tidak berlaku kerana FAMA atau peniaga di luar Perlis perlu ikut harga yang ditetapkan oleh pihak-pihak tertentu di Perlis.

“Kita kena beli ikut harga yang telah ditetapkan sebab pihak-pihak tersebut kata harumanis dilabelkan sebagai buah eksklusif Perlis,” kata beliau semalam.

Justeru, menurut beliau, faktor harga ladang mahal merupakan punca utama harumanis sukar ditemui di Kuala Lumpur atau bandar-bandar utama lain di negara ini.

Ahmad berkata demikian sebagai mengulas laporan *Kosmo!* semalam yang mendedahkan kesukaran warga kota untuk membeli harumanis di Kuala Lumpur.

Bagaimanapun, Ahmad berkata, FAMA tetap memaikan peranannya untuk membawa harumanis ke pasaran luar namun jumlahnya tidak banyak dan hanya dijual melalui laman web atau di premis-premis milik FAMA.

“FAMA telah cuba memasarkan harumanis di luar Perlis secara meluas tetapi mendapat halangan daripada sesetengah pihak.

“Kami menghormati pendirian pihak-pihak tersebut kerana berasa FAMA tidak diperlukan untuk membantu dari segi pemasaran,” katanya.

Beliau turut mendedahkan, FAMA pernah dipersalahkan kerana cubaan memasarkan harumanis pada harga berpatutan sehingga dilabelkan sebagai mengganggu harga pasaran harumanis milik negeri itu.

Ahmad berkata, harumanis sebenarnya merupakan buah yang mempunyai pasaran tersendiri dan bernilai tinggi.

Jelasnya, terdapat tiga kategori mangga yang dijual di pasaran tempatan iaitu harga runcit untuk buah di bawah RM10 sekilogram, harga runcit di bawah RM20 sekilogram dan harga yang dijual melebihi RM20 sekilogram.

“Harumanis berada dalam kategori ketiga iaitu harga melebihi RM20 sekilogram dan melalui FAMA, kita biasanya membuat jualan terus kepada pengguna bagi menjaga kualiti buah tersebut,” katanya.

Dalam pada itu, seorang peniaga buah-buahan dari Dusun Segar Sdn. Bhd. yang mempunyai rangkaian kedai di Petaling Jaya, Shan Shan memberitahu, pihaknya tidak menjual produk mangga harumanis tempatan kepada pembeli.

“Ia berikutan produk berkenaan sukar didapati malah tidak mempunyai stok mencukupi untuk dipasarkan kepada peniaga-peniaga tempatan.

“Bahkan, kebanyakan produk berkenaan akan dieksport ke luar negara. Justeru, kita tidak menjual produk harumanis ini,” katanya ketika dihubungi semalam.



KERATAN *Kosmo!* semalam.

Headline	Tamak punca harumanis tak laku		
MediaTitle	Kosmo		
Date	14 Jun 2017	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	197,202
Page No	2	Readership	875,000
Language	Malay	ArticleSize	490 cm <sup>2</sup>
Journalist	Oleh MUSTAPA LAKAWA dan NADZARUL	AdValue	RM 12,716
Frequency	Daily	PR Value	RM 38,148



**PETANI** harumanis mendakwa berlaku lambakan buah tersebut sehingga rosak di atas pokok dan terpaksa dibakar bagi mengelak serangan penyakit.



**SEBAHAGIAN** mangga import dijual pada harga RM6 hingga RM15 sekilogram yang dijual di sebuah pasar raya di Kuala Lumpur.